

101

NO SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN
GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 13.03.18
(SELASA)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status dan kejayaan Hospital Medan yang diwujudkan di Cox Bazar dan apakah usaha untuk menarik banyak lagi negara bersama menyumbang, membiayai dan membantu pelaksanaan hospital ini yang dikira penting bagi pelarian Rohingya ini selain seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Menyokong usaha keamanan sejagat merupakan sebahagian dari prinsip utama yang digariskan di dalam Dasar Pertahanan Negara, manakala bantuan kemanusiaan merupakan salah satu Operasi Ketenteraan Bukan Peperangan (*Military Operations Other Than War*) yang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sehingga kini, sebanyak tiga penghantaran bantuan telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada pelarian Rohingya iaitu pada 9 September 2017, 20 November 2017 dan 27 Januari 2018. Pada masa yang sama, sebuah hospital medan telah didirikan dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Disember 2017. Hospital medan ini telah mendapat sambutan yang baik dari Kerajaan Bangladesh dan ianya telah banyak membantu bukan sahaja pelarian Rohingya tetapi juga rakyat tempatan Bangladesh. Hospital Medan ini mendapat pengiktirafan sebagai pusat perubatan rujukan tahap 3 iaitu hospital yang memberi perkhidmatan kepada pelarian Rohingya dari *World Health Organisation, International Committee of the Red Cross (ICRC), Medicine Sans Frontier, Migrant Offshore Aid Station, Refugee Relief and Repatriation Committee Bangladesh (RRRC), United Nations High Commissioner for Refugees*

103

(UNHCR), *United Nations Development Program (UNDP)*, *USAID*, *Charity Society of Bangladesh* dan dari pihak berkuasa tempatan dari *District Commisioner Office* dan *Ukhiya Subdistrict Nirbahi Officer*.

Misi bantuan kemanusiaan dan pengoperasian hospital medan ini telah menarik minat kerjasama dari negara-negara lain yang ingin membantu pelarian Rohingya. Sehingga kini, Kerajaan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) telah menyumbangkan kenderaan, peralatan pembedahan dan khemah tambahan untuk Hospital Medan Malaysia, manakala Arab Saudi pula melalui *King Salman Relief Centre* telah memberi bantuan ubat-ubatan kepada Hospital Medan Malaysia.

Sewaktu Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan di Singapura baru-baru ini, beberapa negara ASEAN telah menunjukkan minat untuk turut bersama membantu pelarian Rohingya dan pengoperasian Hospital Medan Malaysia. Selain daripada itu, usaha ini turut dibincangkan dalam pertemuan dengan wakil negara-negara yang mengadakan kunjungan hormat ke atas Menteri Pertahanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 13 MAC 2018 (SELASA)

SOALAN : 48

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pejabat Cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Daerah Jerantut akan dibuka bagi memudahkan urusan penduduk di daerah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, terdapat satu (1) Stesen Penguat Kuasa (SPK) di Daerah Jerantut. Dengan mengambil kira keperluan penduduk setempat, Kementerian melalui JPJ sedang dalam pertimbangan untuk menaiktaraf SPK Jerantut sedia ada menjadi Pejabat JPJ Cawangan Jerantut supaya dapat menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti pembaharuan lesen memandu, pembaharuan lesen kenderaan motor dan pembayaran saman.

Sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, JPJ Pahang telah membuka *Mobile-Counter 1JPJ* di Pejabat Majlis Daerah Jerantut dengan kekerapan sebanyak dua (2) kali sebulan.